

Blog Perdana Menteri mula 'dihujani' cadangan Bajet 2013
Utusan Online
18 Julai, 2012

KUALA LUMPUR 17 Julai - Blog Datuk Seri Najib Tun Razak di *1malaysia.com.my* mula 'dihujani' pelbagai cadangan serta idea mengenai Bajet 2013 yang dijadual dibentangkan pada 28 September ini.

Platform itu disediakan bagi memberi peluang kepada rakyat Malaysia mengemukakan idea serta input bagi pertimbangan Kementerian Kewangan.

Antara yang mengemukakan cadangan ialah **Cima_lulaby80** yang meminta kerajaan mewujudkan Kedai Minyak 1Malaysia kerana ia adalah 'ibu' segala kenaikan harga barang termasuk perkhidmatan.

Begitu juga cadangan daripada **Hasnul Arif Abdullah** yang meminta kerajaan menurunkan harga kereta buatan luar negara sebanyak 40 peratus serta menghapuskan beberapa cukai bagi memiliki kereta.

"Kereta adalah keperluan bukannya barang mewah. Oleh itu, jangan bebankan rakyat dengan harga kereta yang tidak masuk akal. Dalam bajet akan datang (Bajet 2013), Yang Amat Berhormat (Najib) mesti berani membuat perubahan terhadap perkara ini. Kami akan sokong BN (Barisan Nasional) jika Yang Amat Berhormat dapat membantu dalam perkara ini," katanya.

Perkara sama turut diajukan **Ntpsteven2010** yang mahukan kerajaan menghapuskan cukai import kereta.

Bagi pemilik nama samaran **Syauzab** pula, beliau menyenaraikan 18 cadangan, antaranya menggesa kerajaan meningkatkan kualiti pendidikan dari segi kemudahan sekolah, guru serta modul pembelajaran terkini.

"Kawal harga barangan basah seperti ayam, daging, minyak dan ikan. Beri elaun untuk penceramah-penceramah kuliah maghrib atau subuh. Pemilikan rumah diberikan kepada semua rakyat yang berumur 25 tahun ke atas.

"Pinjaman perumahan diberikan 100 peratus oleh bank. Kurangkan syarat-syarat yang ketat. Tempoh pinjaman boleh dilanjutkan jika kadar pinjaman asas (BLR) naik atau peminjam menghadapi masalah kewangan untuk tempoh tertentu," katanya.

Tambahnya, elaun pengangguran juga harus diberikan jika rakyat menghadapi masalah pekerjaan.

Eliseus pula mahukan kerajaan memberi lebih banyak peruntukan kepada pembangunan luar bandar di Sarawak terutama membina jalan raya di kawasan kampung.

Semalam, Najib melalui blog itu mengajak rakyat mengemukakan cadangan serta idea yang bernas bagi Bajet 2013.

Beliau berkata, sebagai Menteri Kewangan yang bertanggungjawab membentangkan Bajet 2013, adalah amat penting rakyat diberi peluang untuk turut sama berkongsi pandangan terutama cara terbaik meletakkan negara di hadapan sama ada dalam bidang sosial mahu pun ekonomi.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120718/dn_11/Blog-Perdana-Menteri-mula-dihujani-cadangan-Bajet-2013